



Konsep Pendidikan Al-Qur'an

Salihin Hj Hussin¹

Ahmad Najib bin Abdullah²

Wan Rohani Wan Mokhtar³

ABSTRAK

Pendidikan al-Quran merupakan model pendidikan Rabbani yang sesuai untuk mendidik manusia sejagat ke jalan yang benar. Oleh itu, Pendidikan al-Quran perlu diberi perhatian sewajarnya supaya ia dapat menjadi model pendidikan untuk mendidik manusia menuju kesejahteraan di dunia dan akhirat. Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan konsep pendidikan al-Qur'an, ciri-ciri, matlamat serta kaedah pendidikan secara umum yang terdapat dalam ayat al-Quran berdasarkan beberapa buah tafsir, antaranya tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan mentode historis dan dokumentasi. Analisis data dalam kajian ini pula menggunakan metod induktif, deduktif dan komperatif. Hasil kajian menunjukkan pendidikan al-Quaran merupakan pendidikan Rabbani yang mempunyai ciri-ciri tertentu, matlamat serta kaedah yang sesuai untuk manusia sejagat pada sepanjang zaman.

Kata Kunci : Konsep, pendidikan, al-Quran

ABSTRACT

Quranic education is a suitable model of Rabbani education to educate the universal human being to the right path. Therefore, Quranic Education needs to be given due attention so that it can be a model of education to educate people towards prosperity in this world and the hereafter. This study was conducted to explain the concept of al-Qur'an education, characteristics, goals and methods of education in general found in the verses of the Qur'an based on several interpretations including tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān. Data collection used in this study were historical methods and documentation. The analysis of the data were a combination of inductive, deductive and comparative methods. The results show that al-Quran education is a Rabbani education that has certain characteristics, goals and methods that are suitable for universal human beings throughout the ages

Key words : concept, education, al-Quran

¹ Lepasan Sarjana Usuluddin, APIUM

² Pensyarah Kanan, APIUM Nilam Puri

³ Guru Bahasa Kanan APIUM Nilam Puri

PENDAHULUAN

Al-Qur'an merupakan sumber utama yang mencakupi segala aspek kehidupan manusia termasuk aspek pendidikan yang merupakan aspek paling penting dalam pembangunan insan sejajar dengan ayat yang diturunkan di awal surah *al-'Alaq* ayat 1-5 di mana ia menekankan aspek pendidikan. Firman Allah s.w.t:

اَقْرُأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ اَقْرُأْ وَرَبِّكَ
الْاَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمَنْ ﴿٤﴾ عَلَمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Maksudnya: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dengan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Suruhan membaca, mengkaji dan meneliti merupakan salah satu proses pendidikan. Ayat di atas menuntut supaya kajian dan pembacaan berlaku hanya di atas nama Allah, Tuhan yang menciptakan manusia dan Tuhan Yang Maha Pemurah serta Tuhan yang mengajar segala ilmu yang tidak diketahui manusia. Oleh itu, jelas bahawa dalam kajian dan pembacaan perlu dirujuk kepada perlumbagaan dan wahyu yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w iaitu kitab suci al-Qur'an.

Definisi Pendidikan dalam Al-Qur'an

Perkataan pendidikan dalam bahasa Melayu merupakan kata nama terbitan daripada kata akar "didik" yang membawa maksud jaga, pelihara dan ajar. Perkataan pendidikan juga sinonim dengan perkataan ajaran, latihan, tarbiah, pelajaran, bimbingan, asuhan dan tunjuk ajar. Dalam bahasa Inggeris pula, pendidikan disebut sebagai *education* yang berasal daripada cantuman dua perkataan dalam bahasa latin iaitu *e'x* dan *ducereduc* yang membawa erti memimpin serta mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat.⁴ Dalam bahasa arab, terdapat beberapa perkataan yang merujuk kepada pendidikan. Antara perkataan yang selalu digunakan ialah *tarbiyyah*, *ta'lêm* dan *ta'dêb*⁵:

Tarbiyah.

Perkataan *tarbiyah* berasal daripada kata dasar رَبَّ yang bermaksud mengasuh, memelihara dan memimpin. Ia merujuk kepada proses perkembangan potensi individu, mengasuh atau mendidik untuk menuju kepada satu keadaan yang selesa dan matang⁶.

⁴ Abdullah Ishak, 1995, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

⁵ Rosnani Hashim, 2006, *Falsafah penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam: Konsep dan matlamat*. Jurnal Pendidikan Islam. Jil. 12. Bil. 1. Julai 2006

⁶ Halsted, J. M, 2004, *An Islamic concept of education. Comparative Education*. Vol. 40. No. 4. (Nov. 2004): h. 517-529.

Ta'līm

Ta'līm ialah perkataan berasal daripada kata kerja bahasa Arab عَلِمَ yang memberi maksud mengetahui, memberitahu, melihat, mencerap dan menganggap. Ia juga merujuk kepada proses menyampaikan atau menerima ilmu pengetahuan yang kebiasaannya didapati melalui latihan, arahan, tunjuk ajar atau lain-lain bentuk pengajaran.⁷

Ta'dīb

Perkataan *ta'dīb* berasal daripada أَذْبَعَ yang memberi erti memperhalusi, berdisiplin dan berbudaya. Ia merujuk kepada proses pembinaan watak dan pengajaran asas-asas penting untuk hidup bermasyarakat termasuk memahami dan menerima prinsip yang paling asas sekali iaitu keadilan⁸.

Berdasarkan definisi di atas boleh dirumuskan bahawa al-Qur'an berfungsi sebagai panduan untuk mendidik, mengajar dan membentuk manusia serta mengeluarkan mereka daripada kesesatan kepada kebenaran bertepatan dengan kandungannya yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. melalui jibril as. Firman Allah dalam ayat 1 surah Ibrahim;

الرَّكِتَابُ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطِ
الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿١﴾

Maksudnya: Alif, Laam, Raa. Inilah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (Wahai Muhammad) supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap gelita kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji.

Al-Qur'an juga mengajar ilmu kepada manusia seperti dalam peristiwa yang berlaku ketika mana Allah s.w.t mengajar manusia pertama iaitu nabi Adam untuk mengenali nama segala makhluk ciptaanNya serta mengajarnya segala bahasa yang digunakan untuk berinteraksi sesama manusia. Pengajaran ini agar nabi Adam dapat meneruskan kehidupannya di atas muka bumi. Firman Allah:

وَعَلَمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنِّيُوْنِي بِاسْمَهُمْ هَؤُلَاءِ إِنْ
كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan kesemuanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar.

⁷ Ibid

⁸ Syed Muhammad Naquib, 1979, *Preliminary thoughts on the nature of knowledge and the definition and aims in education*. al-Attas, S.M.N (pynt.). Aims and Objectives of Islamic education, h. 19-47. London: Hodder & Stoughton

Melalui al-Quran juga, Allah s.w.t telah mendidik manusia dan membentuk mereka dengan sifat terpuji seperti mana hadis Nabi s.a.w:⁹

أَدْبَنِي رَبِّي فَأَخْسَنَ تَأْدِيبِي

Maksudnya: Allah mendidikku, maka Ia memberikan kepadaku sebaik-baik pendidikan.

Akhlik yang ditonjolkan oleh junjungan besar nabi Muhammad s.a.w adalah akhlak al-Qur'an, baginda dididik oleh Allah s.w.t sehingga menjadi contoh kepada sekalian umat manusia.

MATLAMAT PENDIDIKAN AL-QUR'AN

Terdapat ayat al-Qur'an yang melandasi matlamat pendidikan dalam al-Qur'an, iaitu ayat 30 surah al-Baqarah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَبْغِعُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ
الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَيْخُ بِخَدْرِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya: Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa mensucikan-Mu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya

Ayat di atas menunjukkan bahawa tujuan Allah menjadikan manusia ialah agar manusia menyembahNya dengan ikhlas dan agar mereka menjadi khalifah Allah di muka bumi ini.

Kandungan al-Qur'an merupakan acuan dalam membentuk sistem pendidikan di mana sistem pendidikan ini mempunyai objektif dan matlamat untuk melahirkan insan yang soleh serta bertamadun, beriman dan beramal dengan ilmunya serta mampu memikul tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah bagi membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pendidikan al-Qur'an merangkumi aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek berdasarkan prinsip Islam yang dipetik daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.¹⁰

Imam al-Ghazali menjelaskan matlamat pendidikan yang unggul perlu selaras dengan objektif kejadian manusia iaitu penguasaan ilmu tentang Allah s.w.t.¹¹ Ilmu sedemikian meliputi ilmu tentang Pencipta dan ciptaanNya termasuk alam semesta, roh, keadaan yang berlaku selepas mati dan sebagainya. Lanjutan dari matlamat ini ialah menghampirkan diri dengan Allah s.w.t. dan ini mustahil akan berlaku kecuali melalui ilmu.¹² Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya` Ulūm al-Dīn*, Dār al-Kutub al-Ilmīyyah c.1,j.1 h.51 dalam kitabnya *Ihya` Ulūm al-Dīn* mengatakan bahawa tujuan pendidikan Islam ialah “Mendekatkan diri kepada Allah”¹³.

⁹ As-Suyuti, Jalaluddin ‘Abd al-Rahmān, 1994 , *Jami‘ al-Aḥādīth, Jāmi‘ al-Ṣaghīr wa zawā’iduhū wa Jami‘ al-Kabīr*, no. hadith 780 Qismu al-awwal j.1. Beirut: Dār al-Fikhr h 133

¹⁰ Al-Ghazali, Muhammad Ibn Muhammad,1986, *Ihya` Ulūm al-Dīn*,Dār al-Kutub al-Ilmīyyah c.1,j.1 h.51

¹¹ Ibid

¹² Al-Zarkasyi, Hamid Fahmī,1990, op.cit., h.54

¹³ Ibid

Walaupun al-Ghazali tidak menjelaskan secara khusus matlamat pendidikan al-Qur'an tetapi hanya menggunakan istilah pendidikan Islam, pendidikan Islam itu sebenarnya ialah pendidikan al-Qur'an kerana al-Qur'an merupakan sumber kepada pendidikan Islam.

Pendapat Imam al-Ghazali tadi menerangkan bahawa tujuan pendidikan Islam yang termasuk dalam pengajaran adalah semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. melalui keimanan yang utuh kepadaNya serta beribadat hanya untukNya dan bukan untuk menjadikannya sebagai alat untuk bermegah-megah dalam kalangan manusia. di samping menyempurnakan diri dengan akhlak terpuji.¹⁴

Kesimpulannya, matlamat utama pendidikan dalam al-Qur'an ialah menjadikan manusia sebagai hamba Allah s.w.t serta merealisasikan pengabdian diri kepada Allah s.w.t.. Firman Allah dalam ayat 56 surah *al-Zāriyāt*::

وَمَا حَلَفْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانُ إِلَّا لِيَعْلَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembahKu

CIRI-CIRI PENDIDIKAN AL-QUR'AN

Antara ciri-ciri pendidikan al-Qur'an yang dipetik daripada pandangan ilmuan Islam dan dikupas daripada ayat al-Qur'an ialah Ia datang daripada Allah¹⁵. Pendidikan al-Qur'an tiada campur tangan manusia atau makhluk lain kerana semua makhluk adalah lemah, tidak mampu mengetahui implikasi terhadap keputusan yang diambil dan tidak mampu menjangka apa yang akan berlaku ke atas dirinya. Di akhirnya manusia akan dipersoalkan terhadap tanggungjawab dan kewajipan yang tertulis dalam al-Qur'an. Pendidikan al-Qur'an juga mempunyai keseimbangan antara kehidupan dunia dan akhirat, buktinya dapat dilihat melalui ayat al-Qur'an yang sentiasa menegaskan tentang galakan supaya manusia berusaha untuk kehidupan dunia berserta mengekalkan amalan untuk mencari keredhaanNya di akhirat.

Antara ciri-ciri pendidikan al-Qur'an juga ialah pendekatannya yang bersifat umum dan global, tidak tassub kepada satu kaum dan pandangan, tidak mengira bangsa atau doktrin, jantina, mazhab atau warna kulit. Ia merupakan pendidikan untuk umum dan untuk manusia sejagat. Al-Qur'an sahajalah satu-satunya pendidikan yang akan membawa semua yang bearada di bawah peraturannya menuju kebahagian hidup dunia dan akhirat¹⁶.

Pendidikan al-Qur'an merupakan satu kurikulum yang tidak terhad untuk satu peraturan atau individu, bahkan ia sesuai untuk semua orang dan semua peraturan tanpa melihat perbezaan idealogi mahupun pandangan kerana sifatnya yang adil dan saksama merangkumi satu fikrah yang jelas untuk mencapai keadilan dan kesamarataan dalam masyarakat.¹⁷ Pendidikan al-Qur'an juga mementingkan keseimbangan antara rohani dan jasmani¹⁸ mengandungi fakta yang tepat dan membuktikan apa yang berlaku di atas dunia ini adalah tepat dan benar serta sama dengan apa yang telah diceritakan dalam al-Qur'an.¹⁹

¹⁴ Abdul Halim Mat Diah, 1993. *Tujuan pendidikan Islam*, Jurnal Usuluddin Universiti Malaya, bil (1) h.13

¹⁵ Al-Qurshī, Bākir Syarīf (tt) , *al-Nizām al-Tarbawī fi al-'Islām: Dirāsah Muqāranah*, c 1, Dār al-Kitāb al-'Islāmī, h 232

¹⁶ Al-'Āmilī, Ja'far Murtadhbī (2004) *Al-Sahīh min Sīrah al-Rasul al-A'zam*, Dār al-Hadīth li al Tibā'ah wa al Nashr. h 189

¹⁷ Ahmad 'Urwahriq (2004), *Al-'Islām Fī Mughriq al-Turuk*, lajnah al-Ta'lif wa al-Buhūth al -Ilmiyah, muassasah al-Sibtain al-'Alamiah 1426 h 52

¹⁸ Ibid

¹⁹ Bākir Syarīf (1378), op.cit h 323

Muhammad Quṭb (1993), *Manhaj al-Tarbiyah al- 'Islammiyyah*, Beirut: Dar al-Syuruq, c.4, j 1, h 323.

Selain itu, pendidikan al-Qur'an bersifat *syāmilah* atau sempurna dan tidak bersifat *juz' iyyah* atau terpisah-pisah, sempurna dari segi program, aktiviti, tujuan dan kurikulum, merangkumi segala bidang seperti tarbiyah, dakwah, sosial, budaya, politik, ekonomi, pertahanan dan keamanan²⁰. Bukti kesempurnaan pendidikan al-Qur'an dalam firmanNya dalam ayat 3 surah al-Maidah;

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مُحَمَّصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِلْأَذْمِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagimu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepadamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agamamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana lapar sedang ia tidak ingin melakukan dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Allah s.w.t telah menyatakan bahawa Dia telah menyempurnakan Islam untuk manusia dan hanya Islam yang merupakan agama yang direhahiNya. Agama lain atau pendidikan lain tentunya tidak sempurna seperti pendidikan al-Qur'an. Kesempurnaan agama Islam itu membuktikan kesempurnaan al-Qur'an kerana al-Qur'an merupakan perlombagaan baginya.

Pendidikan al-Qur'an juga bersifat kontemporari iaitu sesuai dengan situasi dan keadaan, peristiwa, sikap, keperluan dan sasaran serta sesuai dengan nilai Islam sejagat. Islam merupakan agama untuk semua manusia dan juga rahmat bagi seluruh alam. Kehadiran Islam adalah untuk manfaat dunia dan juga untuk kebahagiaan makhluk khususnya manusia. Pendidikan al-Qur'an yang bersifat kontemporari ini mampu menyelesaikan masalah umat Islam dan boleh dirujuk oleh manusia untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapinya sepanjang masa. Firman Allah dalam ayat 53 surah Fussilat;

سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوْ أَنَّهُ كُفَّارٌ بِرَبِّكُمْ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata kepada mereka bahawa Al-Qur'an adalah benar. Belumkah cukup bagi mereka bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?

Allah s.w.t. telah menceritakan bahawa Dia akan memperlihatkan kepada manusia akan kekuasaannya, sama ada melalui kejadian diri manusia sendiri sehingga manusia mengakui akan kebenaran dan kewujudanNya²¹. Ini jelas menunjukkan bahawa walaupun al-Qur'an diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w lebih dari 14 abad yang lalu tetapi sehingga sekarang banyak lagi perkara yang disebut dalam al-Qur'an masih dalam jangkauan pemikiran manusia dan masih diterokai dari masa ke semasa untuk membuktikan kebenarannya dan ini jelas membuktikan al-Qur'an masih boleh dirujuk hingga sekarang dan pada masa akan datang

Kandungan Pendidikan al-Qur'an

²⁰ Ibid

²¹ Ibid

Al-Qur'an adalah merupakan kitab pendidikan yang pertama bagi umat Muhammad s.a.w.²². Kandungan pendidikan al-Qur'an merangkummi tiga aspek utama iaitu:

Pendidikan Akidah

Pendidikan akidah merangkumi keimanan dan kepercayaan dengan penuh tekad kepada Allah, malaikat, kitab yang diturunkan oleh Allah, keimanan kepada para nabi, hari kiamat, dan juga keimanan kepada qadha dan qadar²³. Pendidikan akidah ini sangat penting kerana orientasi utama tidak sama dengan pendidikan umum di mana matlamatnya bukan penguasaan ilmu tetapi penanaman dan pengembangan akidah tauhid.²⁴

Aspek pendidikan akidah ini boleh dilihat pada ayat yang diturunkan antaranya dalam ayat 285 surah al-Baqarah:

آمَنَ الرَّسُولُ إِمَّا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ بِاللَّهِ وَمَا لَا تَكِيهُ وَكُلُّهُمْ وَرَسُولُهُ
لَا تُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا عَفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ
﴿٢٨٥﴾
المُصِيرُ

Maksudnya: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari TuhanNya, dan juga orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (katanya): Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain dari Rasul-rasulnya. Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat. Kami pohonkan keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali

Aspek akidah dalam pendidikan al-Qur'an menghendaki manusia beriman kepada Allah s.w.t kerana beriman kepada Allah adalah perkara yang paling penting dalam agama dan yang paling besar keperluannya dalam pendidikan kerana dasar kepercayaan terhadap kewujudan Allah tidak memerlukan falsafah mahupun hujah yang kompleks bahkan bukti kewujudan Allah dapat dilihat pada diri manusia sendiri ketika mana mereka menghadapi musibah mereka akan segera mengharapkan pertongan daripada Tuhan mereka.

Selain itu kewujudan alam ini juga membuktikan kewujudan Penciptanya. Firman Allah s.w.t dalam ayat 101 surah Yunus:

فَلِمَنْظَرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَا
يُؤْمِنُونَ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikanlah dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi (dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah) dan segala Rasul (yang

²² Ibid h.13

²³ Halas Dawūd, 2006, *Waqafāt fi ma 'ālim al- 'Aqīdah al- 'Islāmiyyah*, Ghazzah: Maktabah 'Āfāq h. 98

²⁴ Kadar M. Yusuf, M.AG (2013), *Tafsir Tarbawi Pesan-pesan Al-Qur'an Tentang Pendidikan*, Perpustakaan Nasional,c.1, h.5-6

menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadanya.

Kewujudan kehidupan sekeliling manusia juga mampu mengukuhkan lagi keimanan kepada Allah s.w.t dan menambahkan keyakinan terhadap kewujudanNya dengan berfikir, bertadabbur kepada segala ciptaanNya dan percaya bahawa segala ciptaanNya adalah untuk kegunaan manusia. Firman Allah dalam ayat 17-20 surah al-Ghashiyah:

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبْلِ كَيْفَ حُلِّقَتْ ﴿١٧﴾ وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿١٨﴾ وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ ثُصِّبَتْ ﴿١٩﴾ وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِّحَتْ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: Tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit, bagaimana ia ditinggikan binaannya.? Dan keadaan gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi, bagaimana ia dihamparkan?

Pendidikan Ibadah

Pendidikan Ibadah merupakan satu sistem yang mengatur hubungan manusia dengan Allah dan manusia sesama manusia begitu juga manusia dengan alam. Ibadah ialah ketaatan mutlak kepada Allah dan tunduk kepadaNya serta melakukan apa yang Dia mahu dan meninggalkan apa yang diharamkannya. Melakukan ibadat adalah lambang keimanan seseorang terhadap penciptaNya. Sebagai contoh, solat adalah lambang keimanan dengan kata-kata dan perbuatan, zakat pula bukti keimanan dengan membelanjakan harta benda pada jalan Allah, manakala puasa pula bukti keimanan dengan sabar menahan lapar, begitulah haji lambang keimanan melalui ibadah fizikal dan pengorbanan kewangan kerana Allah s.w.t. Segala ibadat ini menunjukkan kehadiran iman dalam keadaan hati yang ikhlas kerana Allah.²⁵ Pendidikan ibadah yang terdapat dalam al-Qur'an boleh dilihat pada firman Allah dalam ayat 2-3 surah al-Anfal:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلَيَّتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادُهُمْ إِيمَانًا
وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمَمَا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang beriman itu apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka.

²⁵Dawūd Darwīsh Halas (2008), 'i'dād al-'Insāan al-Sālih fi Dau' al-Tarbiyah al-Qur'āniyyah, Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar antarabangsa kali pertama tentang al-Qur'an dan peranannya dalam menyelesaikan masalah umat manusia, Universiti Islam, Gaza

Dan ayat 1-4 surah al-Mu'minun:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ فِي صَالَاتِهِمْ حَاسِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ
اللَّعْنِ مُغَرِّضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ قَاعِلُونَ ﴿٤﴾

Maksudnya: Sesungguhnya berjayaalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu.

Antara matlamat kefardhuan ibadat ini adalah untuk mendidik hati dan jasad supaya berpaut dengan Allah s.w.t. terutamanya melalui ibadat solat kerana solat mendidik manusia berterima kasih kepada Penciptanya.

Melalui ibadat zakat pula, tujuannya adalah untuk mendidik manusia supaya taat kepada perintah Allah, memerangi sifat mementingkan diri sendiri dan individualisme, menanamkan sifat tolong menolong, bantu membantu serta berkongsi duka yang dirasai oleh orang lain dalam masyarakat dengan cara bersedekah dan mengorbankan hartanya untuk keperluan golongan yang kurang bernasib baik.²⁶

Begitulah dengan puasa, ia mampu mendidik rohani untuk mengawal keinginan nafsu. Puasa juga mampu mendidik seseorang berfikir tentang keperluan golongan miskin serta menanam semangat perpaduan dalam masyarakat, di samping melahirkan kesaksamaan dalam kalangan ahli masyarakat. Puasa mendidik individu merasakan bahawa mereka mempunyai hak yang sama rata untuk melaksanakan kewajipan agama walaupun mereka daripada golongan yang berbeza sama ada kaya atau miskin, lemah atau kuat²⁷

Adapun ibadat Haji pula, ia sebagai pendidikan kerohanian, sosial, moral dan fizikal. Melalui ibadat haji dapat membentuk ketaatan melalui aktiviti fizikal yang lasak untuk membuktikan ketaatan dan kesetiaan kepada Allah s.w.t, di samping membersihkan diri daripada segala bentuk dosa serta membentuk kehidupan yang baharu yang lebih dekat kepada Allah s.w.t. Haji melambangkan perpaduan, kesatuan atas tujuan yang sama untuk semua umat Islam. Perbezaan budaya, sosial, bangsa, warna kulit, bahasa dan adat dapat disatukan, perasaan persaudaraan dapat dilahirkan di bawah satu ibadat ini²⁸.

Pendidikan ibadah bukan sekadar ritual yang dijalankan dengan disertai kata-kata, tetapi merupakan satu cara untuk membaiki jiwa dan membuatkan manusia dapat merasai kegembiraan di dunia dan kebahagiaan serta kemenangan di akhirat. Pendidikan tidak akan sempurna tanpa gabungan keimanan dengan ibadat kerana kepercayaan dan keimanan kepada Pencipta memerlukan bukti melalui ibadat. Ini jelas dapat dilihat melalui bukti penyertaan ibadat selepas keimanan dalam beberapa ayat al-Qur'an, antaranya yang terdapat dalam firman Allah dalam ayat 3 surah al-Asr:

إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحُنْفِ
وَتَوَاصَوْا بِالصَّيْرِ ﴿٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula

²⁶ ibid

²⁷ ibid

²⁸ Ibid

berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

Pendidikan Akhlak

Pendidikan akhlak merupakan elemen paling penting dalam kandungan pendidikan al-Qur'an. Imam al-Ghazali telah menjelaskan bahawa menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan meninggalkan akhlak yang buruk adalah matlamat utama pendidikan Islam. Al-Qur'an sangat menitikberatkan pendidikan akhlak, buktinya dapat dilihat dalam hampir kesemua halamannya menekankan kepentingan moral serta menyeru manusia supaya menghiasi diri dengan sifat terpuji seperti takwa, kejujuran, keadilan, toleransi, kesabaran, pengampunan, pengurusan kemarahan, rendah hati, belas kasihan, kasih sayang, memberi, pengorbanan dan jihad. Al-Qur'an juga mengutuk sifat terkeji seperti ketidakadilan, kezaliman, berbohong, munafik, agresif, ketamakan, mengumpat, sumpah palsu dan pengintipan. Akhlak yang baik terpancar daripada ibadat yang sempurna yang dilakukan oleh umat Islam. Nabi Muhammad s.a.w mengaitkan ibadat dengan akhlak dalam hadisnya:²⁹

الْمُسْلِمُ مِنْ سَلْمِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ لِسَانِهِ وِيدِهِ، وَالْمُهَاجِرُ مِنْ هَجْرٍ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: Seorang muslim adalah orang yang kaum muslimin selamat dari lisan dan tangannya, dan seorang muhajir adalah orang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah

Di sini dapat disimpulkan bahawa pendidikan Akhlak merupakan pendidikan yang bertujuan membentuk peribadi muslim selaras dengan kehendak dan tuntutan syariat Islam. Akhlak merupakan perbuatan yang bersangkut paut dengan Khaliq atau Pencipta. Al-Qur'an telah memberikan contoh akhlak yang terbaik sebagai panduan untuk manusia. Akhlak yang baik terpancar daripada ibadat yang sempurna, ibadat yang sempurna pula lahir daripada keimanan yang utuh. Oleh itu, ketiga-tiga aspek ini tidak dapat dipisahkan dan ianya termaktub dalam wahyu yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada kekasihNya rasul terakhir nabi Muhammad s.a.w agar disampaikan kepada umatnya bagi membentuk satu umat yang paling agung, umat terpilih sepertimana dilambangkan dalam ayat ۱۱۰ surah *al-'Imrān*

كُنْتُمْ خَيْرًا أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثُرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

﴿ ۱۱۰ ﴾

Maksudnya: Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada yang mungkar, serta kamu pula beriman kepada Allah. Dan kalaulah Ahli Kitab itu beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka orang yang fasik

²⁹ Abu Muhammad, Ismail bin Ibrahim bin Bardazabah, *Sahih Bukhari*, no 6484, bab al-'Intiha' 'an al-Ma'āṣī, , Kahirah: Maktabah al-Taufiqiyah, (2008), juz 4, h 179

Sebagai umat yang terpilih wajarlah beramal dengan ajaran al-Qur'an dan melengkapi dirinya melalui pendidikan yang terkandung dalam al-Qur'an yang merangkumi tiga aspek utama yang disebut tadi iaitu aspek akidah, ibadah adan akhlak.

KAEDAH PENDIDIKAN AL-QU'R'AN

Asas pendidikan Al-Qur'an adalah untuk menjadikan orang yang beramal dengannya sebagai manusia yang sempurna dan bertaqwa. Terdapat kaedah tersendiri dalam al-Quran untuk mendidik manusia menuju jalan Allah. Kaedah ini amat sesuai dan selari dengan kehendak serta matlamat pendidikan Islam dan sangat berkesan bagi melahirkan insan cemerlang di dunia dan akhirat³⁰. Kaedah tersebut dirumuskan dalam kategori berikut.:

Pemilihan gaya bahasa yang sesuai

Kata-kata dan gaya bahasa yang digunakan oleh al-Quran adalah unik dan pelbagai³¹, antarnya ialah menggunakan bidalan dan misalan dan perdebatan yang boleh memaparkan bukti untuk mengukuhkan lagi pandangan dan hujah³². Terdapat juga gaya bahasa ungkapan pertentangan iaitu dengan mendatangkan dua pengertian yang berlawanan³³. Antaranya seperti yang terdapat dalam ayat yang dimulakan dengan perintah melakukan kebaikan dan disusuli dengan tegahan melakukan kemungkaran seperti mana ayat 114 surah al-'Imrān 114

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاونَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾

Maksudnya: Mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat, dan menyuruh berbuat perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah, dan mereka pula segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka itu adalah dari orang yang salih.

Ungkapan pertentangan seperti di atas adalah وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاونَ عَنِ الْمُنْكَرِ bertujuan menjelaskan perkara yang wajib dilakukan oleh manusia dan perkara yang perlu ditinggalkan oleh mereka. Begitulah dalam ayat Pendidikan dalam al-Quran terdapat gaya bahasa seperti ayat berbentuk pembatasan skop bertujuan mendahulukan perkataan yang hendak difokuskan³⁴ seperti dalam ayat 6 surah al-Kafirun;

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.

³⁰ Rosnani Hamid & Suhanim Abdullah (2012), *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan surah Luqman*, UUM Press c.1, h.13

³¹ Al-Rāghib a-ASFHĀNĪ (2009), *Mufradāt 'alfāz al-Qur'ān*, Dār al-Qalam, h. 516

³² Abd al-Rahman Hasan (1996), *Fikh dakwah ila Allah wa Fikh al-Nuṣḥ wa al-'Irṣyād wa al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Naḍīl bi al-Munkar*, Damsyiq : Dar al-Qalam, c1, h. 637

³³ Muhamad 'Alawī nin 'Abī Bakr al-kāf (2008), *al-Balāghah, al-Ma'ānī al-Bayān al-Bādī*, Beirut: Dār al-Minhāj, h. 375

³⁴ Abdullah bin 'Aqīl al-'Aqīlī al-Miṣr, *Syarh 'Ibnu 'Aqīl*, c20, (Kaherah: Dār al-Turāth, 1080) j3, h.297

Ayat ini sepatutnya dikemudiankan kerana ia adalah prediket (خبر) dalam ayat, tetapi di sini didahului bertujuan untuk menjelaskan bahawa hanya untuk orang kafir agama mereka dan hanya untuk kita agama kita.

Selain itu, dalam al-Quran juga terdapat penggunaan panggilan dan seruan yang sesuai dengan sasaran seperti wahai orang-oarang yang beriman, wahai anak kecilku. Selain daripada itu terdapat kaedah penggunaan bahasa yang digunakan oleh al-Quran seperti penegasan, ancaman ugutan dan sebagainya untuk mengajak manusia menuju jalan yang direhui Allah s.w.t. Gaya Bahasa berbentuk nasihat juga digunakan untuk menarik minat supaya patuh kepada segala suruhan dan larangan.³⁵ Gaya bahasa motivasi atau dikenali sebagai kaedah *al-Targhib* turut digunakan iaitu gaya Bahasa berbentuk galakan dan rangsangan kepada umat manusia seluruhnya dalam bentuk ganjaran pahala dan balasan baik supaya mereka sentiasa berbuat baik dan meninggalkan segala tegahan sepanjang menjalani liku-liku kehidupan di dunia ini.³⁶.

Memberi prioriti

Pendidikan dalam ayat al-Qur'an mengutamakan perkara-perkara yang lebih penting. Sebagai contoh, ayat berbentuk akidah dimulakan dengan tauhid kepada Allah s.w.t serta larangan dan tegahan mensyirikkanNya merangkumi suruhan mengesakanNya, kemudian diikuti dengan tuntutan beriman dengan malaikat, kitab, rasul, hari kiamat serta qadha dan qadar sebagai mana dalam ayat 285 surah al-Baqarah :

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ بِاللَّهِ وَمَا لَهُ كُفُورٌ وَكُلُّهُمْ وَرُسُلِهِ

Maksudnya: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhan-Nya, dan juga orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya

Manakala dalam ayat berbentuk ibadat pula memperlihatkan ibadat yang lebih penting disebut terlebih dahulu seperti suruhan menunaikan solat disebut sebelum suruhan menunaikan zakat seperti dalam ayat 43 surah a-Baqarah:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَةَ وَارْكُعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan rukuklah kamu semua bersama-sama orang yang rukuk

Begitulah susunan kepentingan tanggungjawab terhadap sesama manusia yang lebih hampir terlebih dahulu kemudian barulah Allah s.w.t. mengingatkan mereka tentang tanggungjawab kemasyarakatan.³⁷ Seperti dalam ayat 36 surah al-Nisa':

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى
وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجُنُبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا
مَلَكُتُ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

³⁵ Ibid, h.21

³⁶ Al-Mundhiri, Imam al-Hāfiẓ Zakī al-Dīn, ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd al-Qāwiyy (1994), *al-Targhib wa al-Tarhib*, j. 1. *al-Kaherah*: Dar al-Hadith, h.19.

³⁷ Ibid, h. 161

Maksudnya: Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa juu; dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa, dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang sompong dan membanggakan diri.

Kaedah pendidikan dalam ayat ini boleh dilihat pada perintah berbuat baik kepada masyarakat di mana al-Quran mengajar kita mengutamakan orang yang lebih hampir iaitu bermula dengan saudara mara, kaum kerabat, kemudian disusuli anak yatim dan orang miskin, jiran tetangga yang dekat, kemudian jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat dan seterusnya. Kaedah ini mengajar manusia supaya mementingkan yang dekat dan tidak melupakan yang jauh kerana semua manusia terutamanya orang yang beriman adalah bersaudara.

Menyertakan hujah serta contoh dan teladan

Kaedah pendidikan al-Quran sangat jelas dan boleh dicapai oleh manusia, di mana ia membentangkan alasan yang kukuh bagi setiap penjelasan, larangan dan suruhan yang diutarakan. Setiap perintah atau larangan disertakan dengan alasan-alasan yang munasabah bertujuan menguatkan sebab dan hujah terhadap suruhan dan larangan tersebut³⁸. Sebagai contoh pada suruhan berpuasa, Allah telah menerangkan pada akhir ayat kefardhuan puasa bahawa pada akhirnya nanti dengan berpuasa manusia akan mendapat balasan sebuah ketakwaan sepetimana ayat:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.

Selain itu juga, Al-Quran tidak menyuruh dan melarang manusia tanpa memberi contoh terlebih dahulu.³⁹ Pendidikan al-Qur'an terutamanya pendidikan terhadap kanak-kanak disarankan dengan cara memberi contoh dan teladan, kerana golongan kanak-kanak lebih mudah mengikuti apa yang ditunjukkan oleh orang lain. Sebagai mana al-Qur'an menyarankan meniru akhlak dan tingkah laku Rasulullah s.a.w kerana baginda adalah contoh terbaik untuk sesiapa sahaja yang mengharapkan balasan baik daripada Allah s.w.t. di hari akhirat kelak. Firman Allah dalam ayat 21 surah al-Ahzab:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya, adalah bagimu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa

³⁹ Ali Ahmad Madkûr, 1990, *Manhaj al-Tarbiyah fi al-Tasauwur al- "Islâmi*, Dar al-Nahdhah al-'Arabiyyah li al-Tibâ'ah wa al-Nashr, h324

mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan banyak mengingati Allah.

Contoh yang ditonjolkan melalui nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya adalah contoh yang baik untuk semua dalam mendidik umat manusia mengabdikan diri hanya kepada Allah Yang Maha Esa. Begitulah contoh dan teladan yang ditunjukkan oleh nabi kepada para sahabat, isteri dan anak-anak melalui keindahan akhlaknya, cara beribadah, cara bermuamalah dengan sesama muslim dan bukan muslim. Rasulullah s.a.w juga telah memberi contoh bagaimana menjadi anak yang baik, ayah yang baik, suami yang baik, saudara yang baik dan pemimpin yang baik sehingga ditegaskan tentang keteladanan yang baik yang ditonjolkan oleh baginda s.a.w dalam ayat al-Qur'an, antaranya firman Allah dalam ayat 4 surah al-Mumtahanah:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَآءٌ
مِنْكُمْ وَمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبَعْضَاءُ
أَبَدًا حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَحْدَهُ إِلَّا قَوْلُ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْعَفْرَنَّ لَكَ وَمَا أَمْلِكُ لَكَ
مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَتَبْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٤﴾

Maksudnya: Sesungguhnya adalah bagi kamu pada Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya contoh ikutan yang baik, semasa mereka berkata kepada kaumnya: Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah yang lain dari Allah; kami ingkarkan penyembahan kamu dan nyatalah permusuhan dan kebencian di antara kami denganmu selama-lamanya, sehingga kamu menyembah Allah Yang Esa, kecuali ucapan Ibrahim kepada bapanya: Aku akan memohon keampunan bagimu, dan aku tidak berkuasa menahan (azab) dari Allah sedikitpun daripada menimpamu. (Ibrahim berkata): Wahai Tuhan kami! Kepada-Mu kami berserah diri, dan kepada-Mu kami bertaubat, serta kepada-Mu juar tempat kembali!

Semua keterangan di atas membuktikan bahawa al-Quran tidak pernah menyuruh manusia melakukan amalan tanpa alasan yang kukuh dan tanpa memberi petunjuk terlebih dahulu. Oleh itu, amat wajar bagi manusia menjadikan al-Qur'an sebagai panduan hidup dalam semua urusan sama ada berkaitan akidah, ibadah mahupun pembentukan akhlak.

Kaedah yang diberikan oleh al-Qur'an adalah sesuai dengan semua jenis manusia yang dijadikan oleh Allah s.w.t dalam keadaan berbeza-beza jantina, bangsa dan kaum serta berlainan latar belakang. Kepelbagaiannya kaedah yang diajarkan oleh al-Qur'an boleh dipilih dan digunakan oleh para pendidik mengikut latar belakang anak didik masing-masing.

PENUTUP

Al-Qu'ran merupakan panduan dalam pendidikan kerana ciri-ciri, matlamat, tujuan dan kaedah pendidikannya yang tersendiri berbeza dengan pendidikan ciptaan manusia. Oleh itu, wajar dijadikan pendidikan al-Qur'an sebagai acuan untuk membentuk peribadi dan sahsiah muslim agar menepati dengan tujuan mereka diciptakan iaitu mengabdikan diri kepada Allah Pencipta sekalian alam.

RUJUKAN

- Abd al-Rahman bin Shihab al-Din (1987), *Jami' al-'Ulūm wa al-Hika fi syarhi Khamsīn hadīthan min Jawāami' al-Kalim*, Kaherah: dār al-Rayyān li al-Turāth
- Abd al-Rahman Hasan (1996), *Fikh dakwah ila Allah wa Fikh al-Nuṣḥ wa al-'Irṣyād wa al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Naṣīḥ bi al-Munkar*, Damsyiq : Dar al-Qalam
- Abd al-Rahmān al-Maidāni (2008), *al-Balāghah a-‘Arabiyyah ’Ususuhā wa ‘Ulūmuḥa wa Funūnuḥa*, Damsyiq : Dr al-Qalam
- Abdul Halim Mat Diah (1993), *Tujuan pendidikan Islam* , Jurnal Usuluddin Universiti Malaya, bil (1) h.13
- Abdullah bin ‘Aqīl al-‘Aqīlī al-Miṣr (tt), *Syarh ’Ibnu ‘Aqīl*, c20, (Kaherah: Dār al-Turāth, 1080) j3, h.297
- Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Muhammad, Ismail bin Ibrahim bin Bardazabah, (2008), *Sahih Bukhari*, no 6484, bab al-'Intiḥā' 'an al-Ma'āṣī, , Kahirah: Maktabah al-Taufīqiyyah
- Ahmad ‘Urwahriq (2004), *Al-‘Islām Fī Mughṭiq al-Turuk*, lajnah al-ta'lif wa al-buhūth al-Ilmiah, muassasah al-sibtain al-alamiah
- Al-‘Āmilī, Ja‘far Murtadhbī (2004), *Al-sahīh min sīrah al-Rasul al-A‘zam*, Dār al-Hadīth li al-Tibā‘ah wa al-nashr
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1979), *Preliminary thoughts on the nature of knowledge and the definition and aims in education*. al-Attas, S.M.N (pynt.). *Aims and Objectives of Islamic education*, London: Hodder & Waqafāt fī ma 'ālim al-‘Aqīdah al-‘Islāmiyyah Stoughton
- Al-Ghazali, Muhammad Ibn Muhammad (1986), *Ihya` Ulūm al-Dīn*,Dār al-Kutub al-Ilmīyyah
- Ali Ahmad Madkūr (1990), *Manhaj al-Tarbiyyah fī al-Tasauwur al-“Islāmī*, Dar al-Nahdhah al-‘Arabiyyah li al-Tibā‘ah wa al-Nashr
- Al-Mundhiri, Imam al-Hāfiẓ Zakī al-Din, ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd al-Qawiyy (1994), *al-Targhib wa al-Tarhib*, al-Kaherah:Dar al-Hadith
- Al-Qurshī, Bākir Syarīf (tt), *al-Nizām al-Tarbawī fī al-‘Islām: Dirāsa Muqāranah*, Dār al-Kitāb al-‘Islāmī.
- Al-Rāghib a-Asfihānī (2009), *Mufradāt 'alfāz al-Qu'ān*, Damsyik : Dār al-Qalam
- Al-Syairāzī, Nāṣir Makārim (2002), *Tafsīr al-Amthal*, Madrasal al-Imām ‘Alī bin Abī Tālib
- As-Suyuti, ‘Abd al-Rahmān (1994), *Jami‘ al-Aḥādīth, Jāmi‘ al-Ṣaghīr wa zawā'iduhū wa jami‘ al-Kabīr*, no. hadith 780 Qismu al-awwal j.1. Beirut: Dār al-Fikhr
- Dawūd Darwīsh Halas (2008), *'i'dād al-‘Insāan al-Sālih fī Dau‘ al-Tarbiyyah al-Qur'āniyyah*, Kertas kerja yang dibentangkan dalma seminar antarabangsa kai pertama tentang al-Qur'an dan peranannya dalam menyelesaikan masalah umat manusia, Universiti Islam, Gaza
- Halsted, J. M. 2004. *An Islamic concept of education*. Comparative Education. Vol. 40. No. 4. (Nov. 2004)

- Kadar M. Yusuf, M.AG (2013), *Tafsir Tarbawi Pesan-pesan Al-Qur'an Tentang Pendidikan*, Perpustakan Nasional
- Mohammad bin Quṭb (tt), *Manhaj al-Tarbiyyah al-“Islāmiyyah*, Dar al-Syurūk
- Muhamad ‘Alawī nin ‘Abī Bakr al-kāf (2008), *al-Balāghah, al-Ma‘ānī al-Bayān al-Badī‘*, Beirut: Dār al-Minhāj,
- Muhammad Jābir al-Fayyād (1995), *al-Amthāl fi al-Qur’ān al-Karīm*, al-Dār al-‘Alamiyyah Ii al-Kitāb al-’Islāmī, c 2, h. 31
- Muhammad Quṭb (1993), *Manhaj al-Tarbiyyah al-‘Islammiyyah*, Beirut: Dar al-Syuruq
- Rosnani Hamid & Suhanim Abdullah (2012), *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan surah Luqman*, UUM Press
- Rosnani Hashim. 2006. *Falsafah penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam: Konsep dan matlamat*. Jurnal Pendidikan Islam. Jil. 12. Bil. 1. Julai 2006
- Yusuf al-Qardawi (1993), *al-Muntaqā Min al-Targhib wa al-Tarhib li al-Mundhiri, al-Mansurah*: Dar al-Wafā’ al-Tabā‘ah wa Nasyr wa al-Tawzī‘